

15/11/1997

Ibu tunggal gigih mendidik anak

Kamal Ahmad

KEGIGIHAN ibu tunggal yang berjaya menyara dan mendidik anak-anak kini mendapat pengiktirafan kerajaan menerusi Anugerah Ibu Tunggal Cemerlang '98 yang pertama kali diadakan.

Semalam, anugerah itu diberikan kepada Amran Tengku Raja, 58, dari Kampung Ayer Tawar, Manjung Perak yang tabah selama lebih 26 tahun untuk menanggung sara hidup dan belanja persekolahan serta mendidik tujuh anaknya.

Amran menerima wang tunai RM3,000, hamper dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Kebangsaan di Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Kehidupan Amran penuh kejerihan apabila menjadi ibu tunggal pada 1971 ketika mengandung lima bulan anak bungsunya. Mulai saat itu, masa untuk tidur sudah tidak penting lagi kerana usaha perlu ditumpukan untuk menyara, mendidik dan membesarkan anak.

"Wang diperolehi terpaksa dibahagi dengan bijak. Separuh untuk menyara makan minum dan separuh lagi belanja persekolahan anak. Tidak terlintas langsung untuk membeli barang kemas atau peralatan rumah yang ibu lain dapat beli.

"Makcik tidaklah terpengaruh untuk membeli barang-barang itu kerana duit itu lebih penting untuk keperluan anak," katanya sambil memberitahu pesanan kepada anaknya ialah sentiasa berkeperibadian mulia, berjimat-cermat dan bersungguh-sungguh dalam pelajaran.

Mengenangkan saat paling getir sebelum ini ialah melalui hari-hari sejak 1971 hingga akhir 1980-an.

"Masa itu, anak-anak masih kecil dan makcik terpaksa membayar upah orang yang menjaga anak ketika makcik bekerja. Duit ketika itu tidak cukup. Tetapi makcik tidak suka amalkan sikap berhutang kerana takut menjadi beban. Berbelanja hanya mengikut kemampuan," katanya.

Walau masalah wang sentiasa menghimpit, namun Amran tidak pernah mengecewakan permintaan anaknya untuk keperluan persekolahan.

"Soal duit untuk sekolah, makcik tidak tangguh-tangguh. Makcik tidak mahu menghampakan mereka memandangkan mereka tidak ada ayah. Makciklah sebagai ibu dan makciklah sebagai ayah. Duit yang disimpan akan digunakan untuk keperluan anak," katanya.

Hasil dedikasinya, ketujuh-tujuh anak Amran termasuk enam daripadanya perempuan; berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading termasuk seorang di Amerika dan dua di Indonesia.

"Sejak kecil, mereka tidak pernah ponteng sekolah dan makcik cukup prihatin dengan kawan-kawan mereka. Syukurlah, mereka juga tidak terbabat dengan gejala sosial.

"Makcik pesan, kalau kita tidak cerdik tetapi kalau ada kesungguhan kita boleh mencapai kejayaan," katanya.

Sekarang ini menjadi guru Kelas Fardu Ain (Kafa) di sekolah agama rakyat di Manjung. Sebelum ini beliau pernah bekerja kampung kemudian menjadi guru tadika Islam sebelah pagi dan mengajar di sekolah agama rakyat di sebelah petang.

Mulai 1982, beliau dilantik sebagai Penyelia Kemas sehingga 1996 dan menjadi guru Kafa sekarang.

Ditanya mengenai perasaannya selepas semua anaknya berjaya, Amran berkata: "Mulai 1990-an hidup makcik banyak berubah. Anak-anak sudah

berjaya dan bekerja. Lega rasanya sekarang. Cita-cita makcik untuk melihat anak-anak berjaya akhirnya dimakbulkan Allah.

"Kejayaan anak-anak makcik itu satu anugerah Allah dan anugerah Ibu Tunggal Cemerlang ini pun anugerah Allah," katanya.

Tempat kedua dengan hadiah RM2,000, sijil dan hamper dimenangi oleh Maznah Yacob, 58, berasal dari Merlimau, Melaka. Beliau menjadi ibu tunggal sejak 15 tahun lalu dan terpaksa menyara 10 anak.

Dengan sumber kewangan terhad, beliau mendidik anak-anaknya dengan berjaya dan empat daripadanya melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Maznah juga mendapat Anugerah Peladang Jaya Kebangsaan 1996.

Pemenang ketiga yang menerima RM1,000, sijil dan hamper ialah Ajaib Kaur dari Tampin, Negeri Sembilan. Beliau menjadi ibu tunggal sejak 1978 tetapi tidak menghalangnya aktif dalam kegiatan kemasyarakatan sehingga diberi Anugerah Ibu Mithali 1995 anjuran New Straits Times.

Sambutan Hari Pengguna Sedunia tahun ini turut bermakna apabila seorang wanita dipilih sebagai Tokoh Pengguna 1996.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Prof Madya Dr Halimah Ahmad, dari Universiti Putra Malaysia menerima anugerah itu kerana menghargai pembabitannya dalam usaha perlindungan pengguna, memimpin dan mengambil bahagian dalam pertubuhan sukarela. Beliau menerima RM2,000, pingat dan sijil penghargaan.

(END)